

08/10/1997

Malaysia, Uzbekistan tubuh konsortium

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan Malaysia dan Uzbekistan hari ini bersetuju menubuhkan konsortium mengendalikan projek pembinaan lebuh raya dan lintasan kereta api merentasi 'lalu lintas sutera' sejauh 3,500 kilometer menghubungkan kedua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunjukkan minat yang besar terhadap projek itu serta mencadangkan lintasan kereta api turut dibina dengan kemampuan mengangkut gerabak sejauh dua kilometer bagi mengangkut kontena.

Timbalan Perdana Menteri Uzbekistan, Victor Chjen, berkata keputusan melaksanakan projek itu dicapai dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir hari ini dan berharap projek itu akan meningkatkan kerjasama kedua negara.

"Kerajaan Uzbekistan sudah mengenal pasti sebuah syarikat yang cergas melabur dalam pelbagai kegiatan di Uzbekistan iaitu Chase Perdana Berhad untuk mengetuai konsortium itu.

"Lebih banyak perbincangan akan dilakukan selepas ini bagi membenarkan lebih banyak syarikat kedua negara terbabit dalam projek membina lebuh raya dan kereta api itu," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Bagaimanapun, Chjen enggan mengulas lanjut mengenai projek itu kerana menganggap ia masih terlalu awal.

Chjen berkata, Uzbekistan juga berminat mencontohi pelbagai pendekatan dinamik yang dilaksanakan oleh kerajaan seperti skim amanah saham kendalian Perbadanan Nasional Berhad (PNB) dan projek pembangunan bandar baru.

"Saya melawat Shah Alam dan mendengar taklimat yang diberikan oleh wakil Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan amat tertarik dengan pendekatan yang diambil.

"Uzbekistan mahu mencontohi skim bandar baru seperti yang dijayakan PKNS itu selain mencontohi usaha PNB mengendalikan skim amanah saham yang cukup berjaya," katanya.

Chjen berkata, beliau juga menyatakan hasrat kepada Dr Mahathir bagi meningkatkan kerjasama dalam bidang saintifik dan sumber manusia bagi kepentingan kedua pihak.

"Selain itu, kami juga berminat meningkatkan jumlah perdagangan, pelancongan dan kebudayaan dengan tumpuan awal menyempurnakan kemudahan pengangkutan menghubungkan kedua negara," katanya.

Mengenai krisis ekonomi dan mata wang yang dihadapi Malaysia sekarang, beliau berkata:

"Saya tidak berbincang apa-apa mengenai krisis mata wang dan ekonomi dengan Dr Mahathir. Bagaimanapun, Kerajaan Uzbekistan menganggap masalah itu bersifat sementara.

"Kami yakin melalui pendekatan 'energetic' yang dilaksanakan sekarang, termasuk meningkatkan jumlah eksport, masalah itu mampu diatasi.

"Peningkatan jumlah eksport boleh mengatasi masalah itu, malah Malaysia boleh mengeksport barangannya ke Uzbekistan yang mempunyai banyak bidang perdagangan berpotensi," katanya.

Beliau berkata, setakat ini sebanyak 25 projek kerjasama dalam pelbagai bidang dikendalikan oleh usahawan Malaysia dan Uzbekistan, malah masih banyak peluang pelaburan lain boleh diteroka di negara itu.

(END)